



KONSERVASI  
Oleh Jasmi Abdul (Foto Penulis)

# Pucung Keladi Terberak Ketika Terbang

Pucung keladi ialah burung air yang unik. Kehadiran burung ini di habitat tanah lembap atau tanah bencah menandakan kekayaan biodiversiti di tempat ini. Pucung keladi atau dikenali sebagai *Butorides striatus*, little heron dan little green heron sejenis burung liar yang mendiami kawasan tanah lembap atau tanah bencah, seperti kawasan sawah padi, paya rumput atau tanah rawa, pesisiran pantai, hutan paya bakau, tasik, lombong tinggal, sungai dan tali air.

Pucung keladi tergolong dalam keluarga Ardeidae. Dari segi fizikal, saiz badan pucung keladi hampir sama dengan pucung bendang. Secara keseluruhannya, bulu kepek pucung keladi berwarna kelabu kehijau-hijauan, manakala bulu pada bahagian atas kepala haiwan ini pula berwarna hitam. Saiz bulu ekornya pula pendek atau kontot. Kaki pucung keladi panjang dan berwarna kuning kemerah-merahan.

Muncung atau paruh burung ini panjang, tajam dan berwarna hitam. Matanya berwarna kuning, manakala anak matanya berwarna hitam. Panjang badan burung ini antara 40 sentimeter hingga 48 sentimeter. Ada duri seperti gigi halus pada bahagian dalam paruhnya. Gigi halus ini meruncing ke bahagian dalam mulutnya.

Burung pucung keladi mengeluarkan bunyi, *choonk ... choonk ... choonk ...*







*choonk* atau *keek ... keek ... keek ... keek*. Bunyi ini agak panjang dan dalam. Ada kalanya, sambil terbang, burung ini terberak dengan mengeluarkan najis cair berwarna putih.

Pucung keladi sejenis burung yang suka menyendiri, iaitu gemar mencari makanan secara bersendirian di gigi air bagi menunggu mangsanya. Burung ini tidak seperti burung bangau yang suka berkawan ketika terbang, tidur atau mencari makanan. Apabila waktu senja tiba, pucung keladi mencari pokok yang bersaiz besar dan rendang di tepi sawah, tasik atau lombong untuk berehat dan tidur.

Kawasan tanah lembap atau tanah bencah menjadi habitat utama bagi pucung keladi. Spesies ini dapat ditemukan di kawasan pesisir pantai, terutamanya kawasan pantai berlumpur, seperti kawasan hutan paya bakau, begitu juga kawasan sawah padi, tali air, lombong tinggal, kolam, sungai, tasik dan hutan paya gambut. Habitat ini menjadi kawasan keliaran dan kawasan mencari makanan bagi spesies ini. Di samping itu, habitat ini memudahkan pucung keladi untuk berlindung dan membina sarang.

Di kawasan hutan paya bakau pula, jumlah populasi burung ini dikatakan agak tinggi kerana ada banyak makanan, seperti ikan, udang dan ketam, yang dapat ditangkap ketika air laut surut.

Sungai yang ada di hutan paya gambut juga didiami oleh burung pucung keladi. Batang kayu tumbang yang ada di tebing sungai digunakan oleh burung ini untuk bertenggek dan menunggu ikan kecil timbul sebelum ditangkapnya. Antara jenis ikan kecil termasuklah seluang, sepat ronggeng dan badar.

Kawasan tasik asli, seperti Tasik Bera dan Tasik Chini di Pahang juga didiami oleh pucung keladi. Kawasan lombong tinggal yang ditumbuhi oleh rumput menjadi habitat utama bagi spesies ini, begitu juga, kawasan paya gambut. Kawasan tali air digunakan oleh burung ini untuk mencari makanan.

**Burung ini juga dikatakan memakan anak burung daripada spesies lain yang masih berada di sarang. Pucung keladi menunggu ikan di tepi gigi air, di atas kayu tumbang di permukaan air atau di atas batu untuk beberapa tempoh sehinggalah ikan ini menghampirinya.**

**Setelah itu, ikan ini disambar secepat kilat dengan menggunakan muncungnya yang tajam. Ikan yang ditangkap ini tidak mudah terlepas daripada paruhnya kerana pada bahagian dalam paruhnya ada gigi halus yang menyekat ikan ini daripada terlepas.**

Makanan bagi burung pucung keladi terdiri daripada pelbagai jenis hidupan akuatik, seperti ikan, udang, ketam, belut, serangga air, serangga, haiwan reptilia, seperti mengkarung, sesumpah atau cicak, dan haiwan amfibia, seperti katak sawah dan katak hijau.

Burung ini juga dikatakan memakan anak burung daripada spesies lain yang masih berada di dalam sarang. Pucung keladi menunggu ikan di tepi gigi air, di atas kayu tumbang di permukaan air atau di atas batu untuk beberapa tempoh sehinggalah ikan ini menghampirinya. Setelah itu, ikan ini disambar secepat kilat dengan menggunakan muncungnya yang tajam. Ikan yang ditangkap ini tidak mudah terlepas daripada paruhnya kerana pada bahagian dalam paruhnya ada gigi halus yang menyekat ikan ini daripada terlepas.



Jika ikan tiada, pucung keladi menangkap serangga yang ditemukan. Antaranya termasuklah belalang, cengkerik, lipas atau haiwan amfibia, seperti katak sawah atau katak hijau, yang banyak terdapat di kawasan sawah atau kawasan tanah lembap. Ketika menangkap ikan atau serangga, burung pucung keladi bergerak perlahan dan berhati-hati supaya ikan atau serangga ini tidak terkejut dan lari. Warna bulu burung ini yang gelap tidak memudahkan mangsanya untuk melihatnya.

Pucung keladi membiak pada sepanjang tahun. Burung pucung keladi betina mencari pokok yang rendah, seperti pokok bakau, api-api dan pokok hujan yang berada berhampiran dengan kawasan pantai, tasik atau lombong tinggal. Pokok ini digunakan untuk membina sarang pada ketinggian sehingga 10 meter dari permukaan tanah.

Sarang burung ini dihasilkan daripada ranting kecil yang disusun berlapis-lapis dan berbentuk piring kecil. Antara dua hingga tiga biji telur dihasilkan oleh burung pucung keladi betina. Telur yang berwarna putih ini diamankan oleh burung pucung keladi

betina dalam tempoh dua minggu sebelum menetas.

Anak pucung keladi yang masih kecil diberi makanan oleh ibunya. Makanannya terdiri daripada anak ikan atau serangga yang dilembutkan. Ibu pucung keladi sentiasa melindungi dan menjaga anaknya daripada panas matahari, hujan atau suhu dingin pada waktu malam.

Anak pucung keladi berada di dalam sarang dalam tempoh antara satu minggu hingga dua minggu sebelum dapat terbang untuk mengikuti ibunya mencari makanan. Setelah dewasa, anak burung ini mencari kawasan keliaran yang baharu, seterusnya berpisah daripada ibunya untuk memulakan hidup baharu.

Ular sawa, burung gagak, kera dan biawak air ialah empat jenis musuh asli yang sentiasa mengganggu kehidupan pucung keladi. Ular sawa dan biawak air menangkap pucung keladi yang menunggu ikan di tebing sungai atau di kawasan tanah lembap.

Kera dan burung gagak pula amat gemar mencuri telur atau anak pucung keladi yang terdedah pada penglihatannya. Jaring kabus yang

dipasang oleh pemburu haram bagi menangkap itik air atau burung ruak-ruak pula kadangkala mengenai burung pucung keladi.

Pucung keladi yang terjerut lama pada jaring kabus mati kepanasan atau mati kelelahan disebabkan oleh jerutan benang jaring kabus yang halus. Pada musim panas yang tempohnya panjang pula, kebanyakan kawasan berair, seperti sawah padi, tali air dan kolam, kering. Oleh sebab itu, pucung keladi berpindah ke kawasan lain yang ada kawasan berair untuk memperoleh makanan. Kehilangan habitat asal pucung keladi, seperti kawasan tanah lembap atau tanah bencah serta hutan paya bakau dan pantai berlumpur dapat mengurangkan populasi spesies ini pada masa akan datang.

Pucung keladi ialah spesies burung liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar Bilangan 716 tahun 2010. Sesiapa yang didapati menangkap, membunuh atau memelihara burung ini boleh didenda hingga RM50 ribu atau dipenjarakan dalam tempoh tiga tahun atau kedua-duanya sekali. ❏